

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA
(SUBANG)**

**TARIKH : 17.6.2014
(SELASA)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kenapa **Panglima Angkatan Tentera** sekarang telah memberi kenyataan bahawa beliau mengarahkan kapal-kapal dari **Lumut** keluar dari pengkalan untuk mencari **MH370** pada pagi **8 Mac** dan juga telah menghantar satu pesawat **C-130** untuk meninjau kawasan yang dikesan dalam radar tentera udara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui Sidang Akhbar MH370 pada 1 Mei 2014 (Khamis), telah dimaklumkan bahawa radar TUDM telah mengesan sebuah pesawat melakukan *turn-back* dan menuju ke arah barat melintasi Semenanjung Malaysia pada pagi 8 Mac 2014. Pesawat tersebut telah dikategorikan sebagai *friendly* oleh Operator Radar. Data radar tersebut telah dilihat semula dan dianalisis pada jam 0830 hari yang sama dan maklumat ini telah dihantar ke Bilik Operasi TUDM pada jam 0900. Perkara tentang pesawat melakukan *turn-back* ini dimaklumkan pada jam 1030 dan seterusnya kepada Panglima Angkatan Tentera dikeluarkan untuk melancarkan operasi Mencari dan Menyelamat (*Search and Rescue - SAR*) di Laut Cina Selatan dan juga di Selat Melaka. Sebuah pesawat TUDM telah dihantar ke Selat Melaka pada jam 1054 untuk mencari pesawat MH370 dan dalam masa yang sama, dua buah kapal TLDM yang sedang melakukan rondaan di Selat Melaka diarahkan untuk menyertai SAR ini.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]

TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah banjir di Kampung Sri Aman dan Kampung Tengah dalam kawasan Parlimen Puchong.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Kementerian Kewangan (MOF), Projek *Light Rail Transit* (LRT) Laluan Ampang akan melalui Kg. Sri Aman Tengah di sepanjang Jalan Berkat, merentasi Sg. Kelang dan seterusnya Kg. Kuala Sungai Baru. Mengenai masalah banjir di kedua-dua kampung berkenaan, Syarikat Prasarana Negara Berhad (PRASARANA) mendapati punca banjir kerap berlaku adalah disebabkan secara asalnya kedua-dua kampung tersebut berada di kawasan rendah. Hasil kerja ukur yang pernah dilakukan oleh PRASARANA, mendapati aras kunci air di kedua-dua kampung tersebut adalah lebih tinggi dari aras dasar longkang dan sistem perparitan sedia ada. Keadaan ini menyebabkan berlakunya banjir kilat kerana air longkang tidak dapat dialirkan secara terus ke Sungai Kelang.

Berdasarkan maklumat daripada MOF juga, dengan mengambil kira projek LRT yang akan melalui kawasan berkenaan, PRASARANA akan bertanggungjawab untuk memastikan aliran air longkang di sepanjang laluan projek tidak terganggu dan menyumbang kepada punca banjir. PRASARANA juga telah mengambil inisiatif untuk menaik taraf longkang tanah sedia ada di Jalan Berkat kepada longkang konkrit yang berkapasiti lebih tinggi bagi memastikan aliran air dari longkang ini akan dialirkan secara terus ke Sungai Kelang menerusi kawalan '*flood gate*'. PRASARANA juga akan membina sistem perparitan konkrit di kawasan depot LRT di Kampung Kuala Sungai Baru bagi memastikan aliran air hujan di kawasan terlibat disalurkan terus ke Sungai Kelang menerusi

kawalan "*flood gate*" tanpa mengganggu aliran air sedia ada di kampung terbabit. Walaubagaimana pun, PRASARANA berpendapat bahawa kedua-dua sistem perparitan ini, apabila siap kelak, dipercayai tidak dapat mengatasi masalah banjir di kedua-dua kampung tersebut secara menyeluruh.

Bagi mengatasi masalah banjir kilat yang berlaku di Parlimen Puchong, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlulah mengambil tindakan yang sewajarnya, sejajar dengan tanggungjawab PBT dalam menyediakan, membina, mengoperasi dan menyelenggara sistem saliran dalam kawasan PBT selaras dengan Seksyen 50, Akta 133.

Sekian, terima kasih.